

## ABSTRAK

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengistiharkan bahawa abad 1990an sebagai "International Decade for National Disaster Reduction" atau "Abad Mengurangkan Bencana Alam Antarabangsa". Dengan pengistiharan tersebut mengakibatkan kebanyakan dari negara-negara di dunia telah mengambil langkah-langkah tersendiri untuk mengurangkan berlakunya bencana alam di negara mereka. Media massa, memperlihatkan akan kecurigaan orang ramai keatas bertambahnya kejadian-kejadian bencana pada masa kini. Mereka memandang berat dan menyeru agar pihak bertanggungjawab mengambil langkah-langkah tertentu supaya dapat memastikan agar kententeraman awam, keselamatan nyawa dan harta benda mereka terjamin dan selamat dari malapataka, kecemasan dan bencana alam.

Laporan Bencana Dunia 1999 pula menunjukkan bahawa bencana alam kian meningkat setiap tahun. Perangkaan yang diberikan membuktikan kenyataan tersebut. Begitu juga, keadaan bencana yang berlaku dirantau Asia amnya dan Malaysia khususnya. Melalui perangkaan kejadian bencana yang melanda negara Malaysia, secara purata dari tahun 1988 hingga 1997 telah mengorbankan seramai 78 orang terbunuh dan melibatkan mangsa seramai 8,845 orang.

Kejadian-kejadian bencana yang berlaku sememangnya sukar untuk diramal atau dijangkakan, walau bagaimanapun, usaha-usaha dan langkah-langkah tertentu dan berterusan seharusnya diambil supaya kejadian bencana dapat dikurangkan atau mengurangkan kesan-kesan buruk akibat bencana kepada masyarakat khususnya dan kepada negara amnya. Satu daripada langkah yang wajar diambil ialah dengan menjalankan kajian-kajian berkenaan dengan bencana alam, kerana melalui usaha ini langkah dan kaedah-kaedah tertentu dalam pengurusan bencana akan ditemui.

Hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap pengurusan bencana di negara ini, memberikan beberapa penemuan dan maklumbalas yang perlu diambil perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab, antaranya ialah perlunya latihan dan ekseseis (drill) dalam pengurusan bencana dijalankan secara berterusan untuk membentuk dan melahirkan anggota penyelamat yang cekap dalam menjalankan tugas menyelamatkan. Penemuan juga menunjukkan bahawa data dan maklumat yang ada di Jabatan/Unit tidak lengkap dan tidak dikemaskinikan. Tidak dapat dinafikan bahawa dengan adanya data yang lengkap dan dikemaskini membolehkan pengurusan bencana dapat dijalankan dengan cepat, teratur dan bersestematik. Ini kerana bencana akan berlaku pada bila-bila masa dengan tanpa diduga.

Sebagai kesimpulan, kajian ini menunjukkan bahawa matlamat kajian adalah tercapai. Namun demikian, melalui kajian pengkaji yang telah menjalankan penyelidikan, pembacaan, temubual, penelitian maklumbalas daripada soalselidik, pengkaji juga cuba memberikan beberapa cadangan yang dianggap sesuai supaya dapat memberi faedah kepada pihak pengurusan yang bertanggung jawab. Antara cadangan yang diberikan ialah mengujudkan satu manual pengurusan bencana semasa kecemasan atau bencana, ini bertujuan untuk memberi penekanan akan kepentingan keselamatan dan pendedahan asas kepada masyarakat. Selain daripada itu dicadangkan juga supaya diujudkan kerjasama dengan agensi-agensi bukan kerajaan dalam membentuk sifat tanggung jawab bersama kerajaan dalam menghadapi kecemasan atau ancaman bencana. Lain-lain cadangan juga dikemukakan seperti memberi pendidikan dan kesedaran keburukan dan kesan akibat bencana, memberi latihan dalam persiapseediaan sebelum bencana, disamping mendapatkan nasihat pakar dalam pengurusan bencana dan sebagainya. Adalah dipercayai dengan usaha-usaha ini, matlamat untuk menjadikan negara dalam mengurangkan bencana seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan tercapai.